

PERBARISAN HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA KE-84

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2460-perbarisan-hari-angkatan-tentera-malaysia-ke-84

SUNGAI BESI, 25 Sep 17 - Perbarisan Hari ATM Ke-84 telah berlangsung di Dataran Panglima Tentera Udara, Kem Sg Besi melibatkan seramai 416 pegawai dan 2431 anggota lain-lain pangkat terdiri daripada ketiga-tiga perkhidmatan Darat, Laut dan Udara.

Perbarisan yang membawa tema "ATM PERKASA, KEDAULATAN TERPELIHARA" diketuai oleh Ketua Staf Am Markas Medan Barat, Mej Jen Datuk Tengku Ahmad Noor bin Tuan Chik.

Perbarisan pada pagi ini turut diserikan dengan peragaan aset ATM iaitu Kereta Kebal Pendekar, Kereta Perisai Adnan, X8X Gempita, Astros II, Meriam 155MM G5, Kenderaan Lipan Bara, Condor, Vamtax Iгла, Vamtax AGL, GK MK 1 Gatling Gun, Kenderaan X Band, Supacat, Helikopter Agusta dan Fennec. Perbarisan turut disertai dengan lintas hormat udara oleh 4 buah helikopter iaitu dua buah EC725, Agusta dan Superlinx.

Pegawai Tabik Hormat pada pagi ini ialah Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor turut menyampaikan Pingat Kedaulatan Negara/Penganugerahan Sijil Kepujian Angkatan Tentera dan Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera tahun 2017.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi; Panglima Tentera Darat, YBhg Jen Tan Sri Dato' Seri Zulkiple bin Hj Kassim; Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badarudin; Pemangku Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, Mantan-mantan Panglima Angkatan Tentera, Veteran ATM dan Penasihat Pertahanan Negara Asing.



